

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha memperkuuh dan memperkasakan Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) seperti program CARVE-OUT, program latihan 'last mile' serta vendor dan pelaksanaan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Kementerian sebagai membina keadilan sosial demi perpaduan negara.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera dapat dilaksanakan secara lebih efektif dan berkesan, YAB Perdana Menteri telah menubuhkan Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) pada September 2013 bagi menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) di mana TERAJU bertindak sebagai Sekretariat kepada MEB. YAB Perdana Menteri mempengerusikan majlis ini hampir setiap bulan dan keanggotaannya adalah terdiri daripada beberapa Menteri Kabinet yang berkait rapat dengan pembangunan ekonomi Bumiputera dan pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan serta GLC. Dalam usaha Kerajaan memperkuuh dan memperkasa ekonomi Bumiputera, TERAJU melalui kerjasama dengan agensi kerajaan, GLC dan pihak swasta, telah melaksanakan inisiatif serta program dalam mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan dan pembangunan modal insan bernilai lebih RM49.2 bilion.

Antara inisiatif dan program yang dilaksanakan termasuk; Dana Mudahcara sebanyak RM2 bilion telah merancakkan lagi pelaburan swasta Bumiputera dalam ekonomi. Sebanyak 251 projek telah diluluskan di bawah Dana Mudahcara setakat ini. Selain itu, inisiatif Dana TERAS sebanyak RM2.72 bilion hasil kerjasama dengan 4 buah institusi kewangan, telah membuka peluang kepada syarikat-syarikat di bawah program TERAS untuk mendapat pembiayaan pinjaman perniagaan.

Inisiatif peruntukan Khas Bumiputera atau *Carve out and Compete* dengan izin, telah menyediakan peluang kepada syarikat-syarikat Bumiputera untuk mengambil bahagian dalam projek-projek mega yang berjumlah RM23.52 billion melalui sebelas projek yang telah dikenalpasti. Manakala, program Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) telah memberi sokongan *last mile* (dengan izin) kepada 10 syarikat Bumiputera yang disenaraikan di Bursa Malaysia. Sehingga kini, nilai modal pasaran bagi 10 syarikat Bumiputera tersebut adalah RM4.7 bilion.

Manakala, semua kementerian di peringkat Persekutuan telah menubuhkan Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) bagi memantau lebih daripada seratus KPI untuk dilaksanakan dalam Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) di peringkat kementerian. TERAJU turut berkolaborasi dengan pihak GLC dan GLIC melalui Khazanah Nasional Berhad yang mana KPI tertentu diletakkan kepada Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam menentukan peningkatan penyertaan Bumiputera dalam keusahawanan di peringkat GLC dan GLIC.

Bagi memudah cara sistem penyampaian dan mengurangkan kos kepada masyarakat Bumiputera untuk berurusan dengan TERAJU, TERAJU@Koridor telah membuka pejabatnya di setiap Koridor ekonomi. TERAJU@Koridor telah bekerjasama erat dengan pihak Koridor ekonomi dan kerajaan negeri dalam usaha pembangunan ekonomi Bumiputera. Sementara itu, bagi penyediaan latihan keusahawanan Bumiputera pula, TERAJU sedang melaksanakan program pembinaan kapasiti melalui Institut Keusahawan Negara (INSKEN).

Inisiatif dan program yang telah dirancang dan dilaksanakan dijangka akan dapat merapatkan lagi jurang ekonomi antara masyarakat Bumiputera dengan kaum-kaum yang lain di samping membina keadilan sosial dan perpaduan negara.

Terima kasih.